"By 2050, it is estimated that the world population will reach nine billion, and we will need more land for food production," said Sim, who added that among the steps taken to address the food shortage and increasing prices was converting more land for agriculture use and cutting out the middlemen in the trade process.

"We are also planning to introduce auction centres for food produce to be sold directly to consumers.

"The use of technology for online trade will increase efficiency and reach, thus reducing costs," he said.

Malaysia Social Development Foundation chief executive officer Sumathi Selvam, who was present, said poverty in city areas could be reduced through urban farming.

"Households need small investments in the agriculture business to generate an income.

"Not only is this cost-saving but vegetables produced from an urban farm will be healthier to consume as the usage of pesticides can be cut down," she said.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MP shows how urban farming is done | | |
| MediaTitle | The Star (Metro North) | | |
| Date | 20 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 34,093 |
| Page No | 1,2 | Readership | 102,279 |
| Language | English | ArticleSize | 610 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,345 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 46,035 |




**NEWS**
Nation must improve food production to reduce imports
>2





(From right) Sim, Sumathi and the foundation's project manager Elia Mastura looking at pinapple plants grown at Sim's Bayan Baru parliamentary service centre in Sungai Dua, Penang. – Photos: ZHAFARAN NASIB/The Star

# MP shows how urban farming is done

BAYAN Baru MP Sim Tze Tzin's service centre has a flourishing garden with a variety of vegetables and pineapples in a move to promote urban farming within the community.

The Deputy Agriculture and Agro-based Minister said Bayan Baru is ideal for urban farming and this practice could increase food production and also reduce daily expenses for consumers.

"The concept of urban farming is picking up to make full use of our spaces.

"Vegetables and fruits can be planted at one's backyard, porch or balcony for personal consumption or to be sold for additional income," he said.

Sim said several pilot projects had so far been initiated at SK Permatang Damar Laut, SK Bayan Baru, the Permatang Damar Laut community-based rehabilitation centres and the Bukit Gedong Village Community Management Council's office, and the results were encouraging.

To support this initiative, Sim said the Agriculture Department would provide guidance for those who need it, and schools are encouraged to seek support if they wished to have a farm of their own.

> "The Agriculture Department will provide guidance and schools are encouraged to seek support if they wished to have a farm of their own."
>
> **Sim Tze Tzin**

"Support may be needed initially as agriculture requires passion to be sustainable.

"Schools will be provided with technical advice and allocations," he said.

Sim used his service centre in Jalan Sungai Dua to showcase how urban farming could be done.

He planted brinjal and cucumber plants at the back while the porch is filled with spinach and six types of pineapple plants.



Sumathi (right) and Elia Mastura admiring brinjal plants grown at Sim's Bayan Baru service centre.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/8/2019 | BERITA HARIAN | WILAYAH | 62 |

# Petani berputih mata

## 30 hektar sawah diserang haiwan perosak

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

**Pokok Sena:** Lebih 60 petani di Kampung Kolam, Mukim Tualang, di sini, berputih mata apabila kira-kira 30 hektar sawah mereka diserang haiwan perosak pada musim penanaman kali ini.

Serangan dianggap 'luar biasa' itu menyebabkan 90 peratus padi musnah sehingga pesawah menanggung kerugian mencecah ratusan ribu ringgit.

Zulkifli Ramli, 42, mendakwa serangan tikus dan haiwan perosak lain seperti burung serta siput gondang berlaku akibat sistem perparitan tidak diselenggara dengan baik sehingga dipenuhi sampah.

Beliau menyifatkan serangan tikus kali ini paling sukar dikawal kerana haiwan itu bersarang di tepi parit yang dipenuhi sampah.

"Serangan tikus dan burung selalu berlaku pada waktu malam. Haiwan perosak akan makan padi yang baru tumbuh dan meninggalkan hanya beberapa tangkai padi biji pada setiap rumpun.

"Sawah saya kira-kira dua hektar juga tidak dapat mengeluarkan hasil tahun ini berikutan padi rosak sehingga menyebabkan kerugian kira-kira RM5,000," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi pesawah, Sharul Sham Ramli, 36, berkata, sawah di kampung itu juga sering ditenggelami air kerana masalah perparitan.

Beliau berkata, bagi mengelakkan sawah tenggelam, petani terpaksa menabur benih padi lebih awal daripada jadual ditetapkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Kami menjadi serba salah. Jika mengikut jadual, padi kami akan tenggelam. Sebelum ini, tidak ada masalah begini tetapi sekarang lain pula apabila haiwan perosak berleluasa," katanya.



*Haiwan perosak akan makan padi yang baru tumbuh dan meninggalkan hanya beberapa tangkai padi biji saja pada setiap rumpun.*

Zulkifli Ramli, Pesawah

Zulkifli melihat sawah yang dipenuhi lalang selepas diserang tikus.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/8/2019 | KOSMO | NEGARA | 6 |

# Petani rugi ratusan ribu ringgit sawah musnah diserang tikus

**POKOK SENA** - Lebih 60 pesawah di Kampung Kolam, Mukim Tualang, di sini menanggung kerugian ratusan ribu ringgit apabila hampir 90 peratus sawah yang diusahakan mereka musnah diserang tikus dan haiwan perosak lain sejak dua bulan lalu.

Seorang pesawah, Zulkifli Ramli, 42, berkata, masalah berpunca daripada sistem saliran yang sering tersumbat pada musim hujan menjadikan kerja mengawal pembiakan haiwan perosak itu sukar dilakukan.

"Kami menggunakan racun yang dituang ke dalam sawah untuk mengawal tikus dan haiwan perosak lain, tapi apabila sistem saliran rosak, air dari bendang tidak dapat mengalir apabila hujan.

"Ini menjadikan racun yang dituang dalam sawah tidak berkesan mengawal tikus dan menyebabkan ia membiak dengan banyak dan menyerang tanaman," katanya kepada *Bernama* di sini.



ZULKIFLI (kanan) dan seorang pesawah, Oii Jee Kok (kiri) menunjukkan tanaman padi yang diserang tikus di Kampung Kolam, Mukim Tualang, Pokok Sena semalam.



ANAK pokok padi tidak mengeluarkan hasil selepas diserang tikus dan haiwan perosak lain sejak dua bulan lalu.

Katanya, sebelum ini banyak haiwan pemangsa seperti burung hantu yang memakan tikus tersebut, namun kini tiada lagi kerana mati akibat makan tikus yang terkena racun.

"Kira-kira 30 hektar sawah di kampung tersebut musnah disebabkan oleh tikus dan haiwan perosak lain seperti siput gondang emas dan burung.

"Saya sendiri turut kerugian kira-kira RM6,000 apabila keseluruhan sawah rosak dan tidak membuahkan hasil," jelasnya.

Menurut seorang lagi petani, Sharul Sham Ramli, 36, jika masalah itu tidak diselesaikan segera ia mungkin akan merebak ke kawasan lebih luas dan melibatkan kerugian besar.

"Pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) perlu bertindak segera dengan membantu membersihkan dan mendalamkan parit di kawasan itu," katanya.

Dalam pada itu, Setiausaha Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Ahmad Shukri Ishak, 51, memberitahu, masalah itu telah dimaklumkan kepada MADA dan LPP untuk tindakan lanjut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/8/2019 | STAR | NATION | 14 |

# Padi farmers face huge losses due to rat attacks

**POKOK SENA:** More than 60 padi farmers in Kampung Kolam, Kedah, face losses amounting to several hundred thousands of ringgit when almost 90% of their crops was destroyed by rats and other pests in the past two months.

Farmer Zulkifli Ramli, 42, said the problems could be due to blocks in the drainage system which made it difficult for them to control the breeding of pests.

"We used pesticides in the padi fields to control rats and other pests but when the drainage system failed, the padi fields became waterlogged when it rained," he said.

"The excess water would dilute the poison in the padi fields and made them ineffective to control rats which continued to grow in greater number and attacked our crops."

According to him, there were owls which kept the growth of rats in check but the birds probably died after eating rats which were poisoned.

Zulkifli said about 30ha of padi farms in the village had been destroyed by rats, snails and birds, adding: "I myself have lost about RM6,000 when my padi field was destroyed."

The Village Community Management Council secretary Ahmad Shukri Ishak, 51, said the Muda Agricultural Development Authority and Farmers' Organisation Authority had been informed about the situation. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/8/2019 | BERITA HARIAN | WILAYAH | 61 |

# Indigofera Tinctoria mampu manfaat tanah rizab KADA

**Kota Bharu:** Tanaman pokok Indigofera Tinctoria diyakini mampu memanfaatkan tanah rizab di bawah kawasan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Pengerusi KADA, Datuk Husam Musa, berkata selain bunga yang cantik, daun pokok berkenaan boleh dimakan dan berpotensi dijadikan sumber makanan haiwan ternakan.

Katanya, pendekatan itu akan dilakukan berikutan tanah rizab seluas 300 meter di kiri dan kanan sepanjang tali air berkenaan terbiar serta boleh dimanfaatkan dalam konteks ekonomi.

"Menerusi tanaman pokok berkenaan, kita percaya kawasan di sepanjang tali air itu tampil segar dan cantik dengan landskap yang menarik, sekali gus mampu menarik pengunjung.

"Justeru, saya merasakan tanah rizab berkenaan berpotensi sekiranya ditanam dengan pokok tertentu sekali gus menjadi tarikan orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat kawasan tali air di Kampung Jal, Ketereh, di sini semalam.

Husam berkata, semua pihak, termasuk penduduk setempat boleh bekerjasama membangunkan tanaman berkenaan.

"Pokok Indigofera mempunyai 200 spesies dan untuk permulaan kita akan menanam jenis Indigofera Tinctoria terlebih dahulu sebelum menanam lebih banyak spesies lain selepas ini," katanya.

Sementara itu, Husam turut memaklumkan paras air Sungai Kelantan yang semakin menyusut menyebabkan pesawah berdepan masalah bekalan air sejak beberapa tahun lalu.

Pada masa sama, pam rendah dibekalkan kepada petani juga rosak dan pihaknya akan memberi tumpuan khusus bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

> *Menerusi tanaman pokok berkenaan, kita percaya kawasan di sepanjang tali air itu tampil segar dan cantik dengan landskap yang menarik, sekali gus mampu menarik pengunjung.*
>
> *Husam Musa,*
> *Pengerusi KADA*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/8/2019 | SINAR HARIAN | BISNES | 39 |

# FAMA teroka pasaran Arab Saudi

## *Sasar penguasaan pasaran meningkat*

NORSHAHZURA MAT ZUKI

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) komited meluaskan pasaran produk agromakanan di peringkat antarabangsa melalui penerokaan pasaran di beberapa negara termasuk di Arab Saudi pada tahun ini.

Ahli Lembaga Pengarahnya, Misdan Adam berkata, jumlah keseluruhan eksport makanan Malaysia ke Arab Saudi ialah RM650.33 juta melibatkan 10 kategori produk antaranya daging dan sediaan daging, kopi, koko, teh, rempah, bijirin dan sediaan bijirin serta sediaan makanan lain.

Menurutnya setakat ini, terdapat 15 usahawan tempatan telah mengeksport makanan yang terdiri daripada pelbagai kategori produk ke Arab Saudi dengan melibatkan 21 unit simpanan stok (SKU).

"Kami menjangkakan jumlah penglibatan usahawan mengeksport makanan ke Arab Saudi akan meningkat kepada 26 usahawan menjelang tahun 2020.

"FAMA telah mempergiatkan usaha penerokaan ke pasaran Arab Saudi bermula pada tahun 2016 kerana terdapat permintaan sepanjang tahun untuk produk halal Malaysia di Arab Saudi.

"Pada masa ini, kemasukan produk halal Malaysia ke pasaran tersebut masih kecil. Kami melihat potensi agromakanan dalam pasaran Arab Saudi dan negara Gulf Cooperation Council (GCC)," katanya.



Misdan (tiga dari kanan), bersama Muzairee (lima dari kanan) dan tetamu yang hadir memasukkan produk Ryverra ke dalam kontena.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Flag Off Penerokaan Pasaran Produk Syarikat Ryverra Chocolate & Confectionery Sdn Bhd (Ryverra) ke Arab Saudi, di Klang, Selangor semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Pengurusan dan Korporat), Basri Jasmo, Pengarah Urusan Ryverra, Muzairee Daud, Pengarah Eksekutif Ryverra, Sharil Omar dan Pengarah Bahagian Komunikasi dan Perhubungan Strategik Ryverra, Khoirul Anam Mohamed Sarif.

Misdan berkata, produk (Ryverra) di bawah kategori produk kopi, koko, teh dan rempah mencapai jumlah eksport RM150 juta iaitu 23.1 peratus.

"FAMA menjangkakan sumbangan kategori produk kopi, koko, teh dan rempah akan meningkat kepada RM200 juta menjelang akhir tahun ini," katanya.

Tambahnya, selain meneroka pasaran baharu, fokus pasaran luar FAMA pada tahun ini ialah untuk terus meningkatkan pertumbuhan di negara sedia ada melalui Penyertaan Pameran perdagangan/ pengguna untuk produk segar & proses seperti Australia dan China, Hong Kong, Jepun, Singapura, Australia, dan Brunei.

Misdan berkata, syarikat Ryverra merupakan antara usahawan PKS Asas Tani di bawah bimbingan FAMA yang menyertai Pameran Perdagangan Gulfood Dubai 2017, Dubai di UAE yang merupakan pameran tahunan yang di sertai oleh FAMA sejak tahun 2005.

"Syarikat itu memperoleh tempahan bagi produk kategori minuman oleh pengimport dari Arab Saudi. Hantaran pertama telah dilaksanakan pada tahun 2018 sebanyak 1 kontena.

"Manakala bagi tahun 2019, hantaran eksport kedua melibatkan tiga SKU produk iaitu *mocha chocolate, cappuchino chocolate & premium choclate* dengan anggaran nilai eksport sebanyak RM300,000," katanya.

FAMA juga telah mengadakan kerjasama strategik bersama Tabung Haji Malaysia dalam memasarkan produk agromakanan di bawah program *My Food For Ummah (MYFFU).*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/8/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 20 |

# 25 pukat bubu naga dirampas

SEKINCHAN - Pasukan Polis Marin (PPM) Pelabuhan Klang menggagalkan kegiatan penggunaan pukat bubu naga yang dipercayai didalangi nelayan warga asing menerusi Op Pintasan di perairan Sekinchan di sini kelmarin.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang, Deputi Superintendan Khairuddin Jamal berkata, kegiatan itu dikesan kira-kira jam 8.30 pagi apabila mendapati sebuah bot yang dalam keadaan mencurigakan.

"Bot dipercayai dinaiki dua lelaki warga asing itu bagaimanapun enggan berhenti sebelum memecut ke kawasan tepi pantai.

"Nelayan terbabit bagaimanapun meloloskan diri ke dalam hutan bakau," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan di atas bos mendapati terdapat 25 pukat bubu naga serta pelbagai jenis hasil tangkapan ikan seberat lima kilogram.

Katanya, pihaknya kemudian bertindak merampas bot bersama enjinnya bernilai RM20,000 dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985.

Sementara itu, dalam kes berlainan, seorang tekong warga tempatan berusia 37 tahun ditahan mengikut Akta Perkapalan Saudagar 1952 kerana mengendalikan bot tanpa lesen.

"Tangkapan dibuat di perairan Sungai Kuala Selangor kira-kira jam 10 pagi kelmarin susulan pemeriksaan sebuah bot penumpang," katanya.



**PPM Pelabuhan Klang mengesan kegiatan penggunaan pukat bubu naga oleh nelayan warga asing.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/8/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

Hilang pendapatan akibat pencemaran sungai

# 60 nelayan semakin merana

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
pengarang@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 19 OGOS

**Rintihan RAKYAT**

KAMPUNG Perigi Acheh di sini terkenal dengan kekayaan sumber perikanan yang dulunya menarik perhatian kaki pancing dari seluruh negara selain pernah dicalonkan sebagai tempat pelancongan.

Ini berikutan kampung berkenaan dikelilingi anak-anak sungai, sungai utama dan laut selain mempunyai hasil tangkapan yang lumayan antaranya ikan siakap, kerapu, kurau dan udang harimau.

Namun semua itu sudah berubah kerana sungai dan laut di kampung berkenaan menjadi tempat pembuangan sisa industri termasuk bahan toksik dari kawasan industri berdekatan Tanjung Langsat sejak beberapa tahun lalu.

Kini kira-kira 60 nelayan merana dan hilang punca pendapatan akibat pencemaran itu dan sejak hampir lapan bulan pertama tahun ini sebanyak 12 kali kejadian ikan dan hidupan laut timbul dan mabuk sebelum mati akibat pencemaran.

Sungai berkenaan dan kawasan laut yang menjadi sumber rezeki mereka kini semakin terancam dan pencemaran sudah semakin teruk sehingga tiada lagi ekosistemnya malah ikan-ikan juga sudah mulai pupus.

Menurut **Maayon Ismail**, 63, yang sudah lebih 40 tahun menjadi nelayan, nelayan tempatan kini terpaksa mencari hasil laut di luar kawasan pesisiran pantai termasuk di Tanjung Surat, Kota Tinggi dan perairan Pengerang.

"Kadangkala kami terpaksa memperjudikan nasib dan keselamatan sendiri apabila ditahan pihak marin Malaysia atau Singapura kerana didakwa menceroboh perairan negara. Hasil pendapatan ketika ini hanya purata kira-kira RM1 kilogram berbanding sebelum ini RM10 kilogram ke atas," katanya ketika ditemui di kampung berkenaan hari ini.



MAAYON ISMAIL



ZAINUDIN ADON

Ahad lalu penduduk kampung berkenaan menemukan lebih 100 kampit daripada sisa buangan kilang termasuk bahan toksik dibuang di kawasan sungai hingga mengakibatkan airnya berbau dan bertukar warna menjadi hitam.

**Bapa kepada empat anak itu sebelum ini pernah mendapat rawatan di klinik kesihatan dan hospital selepas mendapat kesan daripada pencemaran sisa kilang yang dibuang di kawasan** laut berhampiran kampung berkenaan.

"Semasa saya mencuci bot dengan menggunakan air laut di pantai selepas menangkap ikan, kulit saya terasa gatal-gatal, bengkak lalu kulit mengelupas. Keadaan itu berlarutan selama empat hari lalu mendapatkan rawatan di klinik sebelum ke hospital kerana masih sama." katanya.

Seorang lagi nelayan, **Zainudin Adon**, 51, yang sudah lebih 10 tahun menjadi nelayan kini terpaksa mencari pendapatan sampingan dengan menjalankan kerja potong rumput dan kerja-kerja kampung kerana hasil ikan sudah tidak ada.

"Keadaan sungai dan laut di Kampung Perigi Acheh sudah kritikal, pencemaran boleh dilihat dengan jelas apabila air laut surut, kita boleh nampak air hitam pekat dan mengeluarkan bau terutama pada sebelah pagi. Apabila air pasang baunya hilang semula," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/8/2019 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Pertanian pintar untuk masa depan

**Kita** mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memperkenalkan satu dasar baharu program pertanian pintar dengan peruntukan pembiayaan disediakan kepada pekebun dan petani. Namun, kita tidak pasti lagi apakah bentuk atau maksud 'pertanian pintar' yang sebenar.

Apapun seperti dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, ia bertujuan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi domestik negara dengan bantuan institusi kewangan untuk memberi pinjaman dengan kadar faedah paling minimum.

Kita berharap 'pertanian pintar' yang dimaksudkan adalah penggunaan teknologi pintar bagi meningkatkan pengeluaran hasil tani. Sudah terlalu lama kita menggunakan cara tradisional untuk bertani dan hasil diperoleh tidak meningkat sekian lama.

Ekoran itu, petani kita ketinggalan jauh daripada segi produktiviti dan pendapatan berbanding kegiatan pertanian di negara lain. Justeru, kita harus mencari dan jalin kerjasama dengan negara lain seperti Korea dan China yang sudah jauh lebih maju dalam teknologi pertanian. Jika ini kita dapat lakukan, maka bil import barangan makanan akan berkurangan secara drastik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/8/2019 | NEWSTRAIT-STIMES | OPINION | 60 |



ZAKRI ABDUL HAMID

# STINGLESS BEES THE NEXT 'SUPER FOOD' INDUSTRY

**Stingless bees are a potential natural treasure trove for agriculture and they are fast creating a buzz amongst our farmers**



*Preserving our forests and harvesting the stingless bees in a sustainable manner will ensure the honey produced by these bees to be a lucrative industry.* FILE PIC

LAST September, Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad called for more research on plants that can be nurtured and grown to become successful industries, similar to palm oil and rubber.

Oil palm and rubber trees, he noted, came from foreign countries but have since become major export commodities for the nation.

"Research in more plants could yield even more use for other plants that we can grow in this country," Dr Mahathir said.

This is clear direction from the top on the need to revisit our approach to agriculture, with the aim of providing farmers with more solutions to generate good income.

The need for crop diversification was reiterated last March by Primary Industries Minister Teresa Kok, who suggested that smallholders consider bamboo, pineapples and coconuts as alternative crops for supplementary income.

To which we can now add another interesting agricultural idea: rearing of stingless bees — the subject of a conference recently convened by the International Institute of Plantation Management (IIPM) in Kota Kinabalu.

In his opening speech, Deputy Chief Minister Datuk Seri Madius Tangau said the stingless bees industry is an emerging new source of income for farmers and that Sabah's state government would help them meet the increasing market demand for honey-based products.

According to IIPM's Fellow, Prof Mohamad Osman, a senior associate at Atri Advisory, while honey bees need no introduction, stingless bees are still quite unknown to most people.

They are known locally as *lebah kelulut* (genus Heterotrigona, family Apidae — and a close relative to common honey bees).

So what are the differences between honey bees and stingless bees? The world over, there are thousands of species of bees, most of them of a solitary species. Like honey bees, stingless bees are social insects which live in large, well organised hives or colonies.

While a honey bee stings as a way to defend against predators, stingless bees have highly reduced stingers that cannot be used for defence. They are, therefore, generally harmless to humans.

The hive wall of the stingless bees is made of propolis (from a resinous substance collected from tree buds) whereas honey bees' hives are made of wax.

Stingless bees thrive in most tropical or subtropical regions and there are over 500 species, 78 of them found in Malaysia, but only a few of them can produce honey. Honey bees produce a lot more honey (up to 27 times more) than *lebah kelulut* and the honey is sweeter, but *lebah kelulut* are more resistant to diseases and parasites that affect honey bees.

In Sabah, farmers are paid RM30 and RM60 per kg of bee and *lebah kelulut* honey, respectively. In the market, *lebah kelulut* honey fetches a higher price — more than RM120 per kg.

Mohamad noted that beyond its reputation as a "super food", honey and propolis can be used in cosmetics, pharmaceuticals and other health products.

To date, *lebah kelulut* are largely farmed for their honey, which contributes RM200 million annually to the economy. Sarawak currently ranks highest in production, followed by Sabah and Peninsular Malaysia.

Entrepreneur Tan Chung Chuan, with 15-years of experience in bee farming, is an industry role model. His company purchases close to 10 tonnes of honey monthly from farmers rearing 30,000 colonies across the country, which he markets throughout Malaysia and in China.

Stingless bees are also great pollinators; but to date have literally not been harnessed for the purpose locally. Field research has documented stingless bees as field crop pollinators in 12 tropical countries worldwide.

At the Kota Kinabalu conference, Jinlus Jipanin of the Agricultural Research Station in Tenom highlighted his invaluable innovation using a "twin exit apparatus" (TEA) to both sustain the *lebah kelulut* colony, and to effectively provide pollination for brinjal (eggplant) crops under nethouse conditions.

"Among the greatest commercial potential of stingless bees is as crop pollinators," said Tim Heard, former research scientist at the Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation (CSIRO) in Australia. Stingless bees have short flight ranges of about 500 metres, making it easier to keep them among crops for pollination — compared with honey bees which have a flight range of 2km.

"You have a fantastic stingless wonder here in Malaysia," said Cristiano Menezes, bee biology and bee management researcher from the Brazilian Agricultural Research Corporation.

"In Brazil, stingless bees have already transcended into a highly profitable pet industry for the population!"

Little wonder then that stingless bees are a potential natural treasure trove for agriculture and they are fast creating a buzz amongst our farmers.

But there is a prerequisite to a productive *lebah kelulut* industry: preserving our forests and harvesting the bees in a sustainable manner — something that is not adequately happening in this country.

Major issues currently faced by the *lebah kelulut* industry include oversupply, adulteration or fakery and lack of quality standards. Fix them, exclaimed Mohamad, and Malaysia may see the industry soar to RM350 million in the near future.

The writer has returned to farming after retirement, having received a diploma in agriculture from the then College of Agriculture (now Universiti Putra Malaysia) in 1969

*Major issues currently faced by the lebah kelulut industry include oversupply, adulteration or fakery and lack of quality standards.*